

07 DEC 1998

INOKOM-VAN

INOKOM SASAR JUAL 30 BUAH INOKOM PERMAS SEBULAN

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Industri Otomotif Komersil (M) Sdn Bhd (Inokom) mensasarkan jualan bulanan sekurang-kurangnya 30 buah van komersil dan penumpang model Inokom Permas yang dilancarkan hari ini.

Pengarah urusan Inokom, Lim Khoon Yee, berkata 70 buah van berkuasa 2.2 liter berenjin petrol itu, yang sesuai digunakan sebagai kantin bergerak, bas sekolah, ambulans dan van persendirian, telahpun ditempah setakat ini.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran Inokom Permas di sini, beliau berkata bahawa model enjin disel masih di peringkat percubaan dan dijangka dilancarkan tahun depan.

Tambahnya, Inokom merancang untuk memperkenalkan trak ringan tidak lama lagi.

Van Inokom Permas itu dilancarkan menteri perdagangan antarabangsa dan industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lim juga berkata van itu, yang menggabungkan teknologi Renault dari Perancis dan Hyundai dari Korea Selatan, mungkin dipasarkan pada harga antara RM41,746.32 bagi van komersil dan RM60,912.53 bagi model geladak panjang, bertingkat dan berbumbung tinggi.

Katanya, Inokom Permas akan diedarkan oleh Quasar Carriage Sdn Bhd dan Hyumal Motor Sdn Bhd.

Walaupun kedua-dua syarikat itu turut mengedar jenama kenderaan lain, namun setiap syarikat mempunyai pengalaman dan perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan dalam reka bentuk dan pendekatan.

"Setiap syarikat mempunyai 15 hingga 20 wakil jualan," katanya.

Inokom, yang memulakan operasi pada Ogos tahun lepas, adalah projek pertama yang dikendalikan sepenuhnya oleh sektor swasta dengan kerjasama Renault dan Hyundai.

Pemegang saham tempatan dalam syarikat itu adalah Berjaya Group Berhad (35 peratus), anak Koperasi Polis Diraja Malaysia, Pesumals (M) Sdn Bhd (30 peratus) dan Hyumal Motor Sdn Bhd (lima peratus).

Kilang syarikat itu terletak di kawasan seluas 80 hektar di Kulim, Kedah.

Lim berkata kilang itu berupaya mengeluarkan 20,000 kenderaan setahun dalam operasi satu syif.

Buat masa ini, Inokom menumpukan perhatian kepada pasaran tempatan tetapi ia mungkin meneroka pasaran luar negara di suatu masa yang sesuai, kata Lim.

-- BERNAMA

AA MFJ